

Bantuan Rakyat 1Malaysia

BR1M

KADAR BR1M DITINGKATKAN

Isi rumah senarai e-Kasih ditingkatkan

RM1,200



Daripada

RM1,050




Isi rumah berpendapatan bawah **RM3,000** ditingkatkan

RM1,200



Daripada

RM1,000



Isi rumah berpendapatan **RM3,001 - RM4,000** dinaikkan

RM900



Daripada

RM800



Individu bujang berpendapatan bawah **RM2,000** ditingkatkan

RM450



Daripada

RM400



Peruntukan BR1M dinaikkan

→ Inisiatif bantu rakyat tangani peningkatan kos sara hidup

Menyedari keperluan rakyat berpendapatan rendah yang memerlukan bantuan dan sambutan diterima setakat ini, kerajaan memutuskan untuk meneruskan pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

Malah, peruntukan untuk BR1M dinaikkan kepada RM6.8 bilion dalam Bajet 2017, berbanding RM5.9 bilion tahun ini, membabitkan tujuh juta penerima.

Bagi isi rumah dalam senarai e-Kasih dan berpendapatan bulanan di bawah RM3,000 dinaikkan daripada RM1,050 dan RM1,000 kepada RM1,200.

Isi rumah berpendapatan RM3,000 hingga RM4,000, kadar BR1M dinaikkan daripada RM800 kepada RM900, manakala

individu bujang berpendapatan di bawah RM2,000 dinaikkan daripada RM400 kepada RM450.

Teruskan Skim Khairat Kematian

Skim Khairat Kematian diteruskan dengan pampasan RM1,000 kepada waris penerima BR1M bagi kategori isi rumah dan warga emas.

Sementara itu, dalam usaha menangani kos sara hidup rakyat, kerajaan memperuntukkan RM140 juta bagi Program Pengedaran Barang Perlu dengan pembukaan empat lagi pasar belian terus hasil pertanian, MyFarm Outlet, di samping menambah baik 150 premis Agrobazaar Rakyat 1Malaysia.

Peranan Pusat Transformasi Bandar (UTC) juga akan diubah, bukan setakat menyediakan pelbagai khidmat utama kerajaan dan swasta sahaja.

Selepas ini, UTC akan berfungsi sebagai sebuah Pusat Pekerjaan untuk memadankan antara pencari kerja dan bakal majikan.

Beban ringan

Bantuan keluarga miskin meliputi bantuan am warga emas sebanyak RM300 sebagai saraan hidup dan program wang saku turut diberi perhatian kerajaan sebagai langkah meringankan beban golongan itu.

Bantuan kanak-kanak sehingga RM450 sebulan turut diteruskan untuk manfaat 69,000 keluarga.

BH

22/10/16

mls 5